



# PARLIMEN MALAYSIA


DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM  
PARLIMEN KETIGA BELAS

2018

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian**


**HARI RABU : 28 MAC 2018**



## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN  
( SOALAN, NO.12, HINGGA NO.64 )**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**



**SOALAN NO.: 12**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**  
**5 MAC HINGGA 5 APRIL 2018**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [ BAKRI ]**

**TARIKH : 28 MAC 2018 [ RABU ]**

**SOALAN :**

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta MENTERI PERUSAHAAN  
PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan:**

- i. Status terkini pembinaan Hub Perabot Bukit Bakri, bilangan pelanggan yang sudah membayar tempahan untuk tapak kilang; dan
- ii. Bilangan kilang yang akan dibina dalam kawasan tersebut.

3

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Hab Perabot di Bukit Bakri, Muar, Johor merupakan sebuah projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Johor dengan kerjasama Kementerian ini melalui agensinya iaitu Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB).

Pada masa ini, Kerajaan Negeri Johor melalui Johor Corporation (JCorp) sedang melaksanakan kerja-kerja pembangunan hab ini dan ia dijangka dapat beroperasi sepenuhnya pada tahun 2020. Sehingga kini, jumlah bilangan syarikat yang sudah membayar tempahan untuk beroperasi di MFP ialah sebanyak 115 kilang.

Sekian, terima kasih.

4

**SOALAN NO.13**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI**  
**JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL  
RAHIM [ BALING ]**

**TARIKH : 28 MAC 2018 (RABU)**

**SOALAN :**

**Dato' Sri Abdul Azeez Bin Abdul Rahim [ Baling ] minta**

**PERDANA MENTERI menyatakan:-**

adakah Kerajaan bercadang untuk memperbaharui sistem pengangkutan awam seperti bas di Parlimen Baling bagi memudahkan dan mempercepatkan perjalanan rakyat Baling dari satu tempat ke satu tempat yang lain dan dalam masa yang sama mempertimbangkan harga tambang bersesuaian dengan pendapatan dan kemampuan rakyat di kawasan tersebut.

## SOALAN NO.13

JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) sedang membangunkan Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat (RIPAD) Wilayah Selatan, Utara dan Timur bagi tempoh 20 (dua puluh) tahun yang mengandungi dasar dan perancangan peringkat makro, termasuk skim dan program bagi pengangkutan awam darat ke arah menyediakan satu sistem pengangkutan awam darat yang selamat, boleh diharap, responsif, mudah diakses, terancang, bersepadu, mampu dibayar dan mampan. Penyediaan RIPAD Wilayah ini seterusnya akan menjadi panduan kepada pihak-pihak berkaitan dalam menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam darat yang efektif disamping mengatasi isu-isu pengangkutan awam darat. Hasil kajian ini akan menentukan pembangunan yang sesuai dan seimbang dengan keperluan sistem pengangkutan awam darat termasuk Negeri Kedah.

## 6

### SOALAN NO.13

Namun begitu, buat masa ini bagi mengatasi masalah kos operasi tinggi yang ditanggung oleh pengendali bas berhenti-henti yang menyediakan perkhidmatan di laluan kurang permintaan contohnya di kawasan seperti Baling, Kerajaan Persekutuan telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan Dana Sokongan Sementara Perkhidmatan Bas Berhenti-henti (ISBSF) yang bermula semenjak tahun 2012. Ianya bertujuan untuk membantu pengendali bas menampung kos operasi perkhidmatan bas berhenti-henti di laluan kurang permintaan agar perkhidmatannya dapat diteruskan. Sehingga akhir tahun 2017, sebanyak **(Ringgit Malaysia: Lima Puluh Enam Juta, Lapan Ratus Sembilan Puluh Dua Ribu dan Empat Ratus Tiga Puluh Enam) RM56,892,436** telah disalurkan kepada **(lima)** 5 pengendali di Negeri Kedah semenjak ISBSF diperkenalkan.

Sekian, terima kasih.

**Soalan No: 14**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD  
[ PASIR PUTEH ]**

**TARIKH : 28.3.2018 (RABU)**

**SOALAN :**

**Dato' Dr. Nik Mazian Bin Nik Mohamad [ Pasir Puteh ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah yang telah diambil Kementerian dan sejauhmana keberkesanannya untuk membendung kejadian buli dalam kalangan remaja khususnya pelajar-pelajar di peringkat menengah yang semakin menjadi-jadi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyedari bahawa masalah disiplin murid termasuk gejala buli masih berlaku. Sejak dahulu, KPM serius dan proaktif menangani buli dan semua jenis disiplin serius melalui mekanisme pencegahan, penguatkuasaan peraturan sekolah, intervensi kepada mangsa dan menjalinkan kerjasama padu dengan semua pihak.

Pihak sekolah telah diberi peringatan melalui surat-surat pekeliling dan garis panduan mencegah serta menangani buli dalam kalangan murid. Pelbagai program kesedaran gejala buli dilaksanakan secara bersepadu di dalam kurikulum, kokurikulum dan pembinaan sahsiah. Murid turut dilibatkan menjadi pembimbing rakan sebaya melalui kelab pakaian

beruniform dan Kelab Pencegahan Jenayah Sekolah. Sebagai langkah pengukuhan, Buku Panduan Pengurusan Menangani Buli di Sekolah telah diulang cetak pada tahun 2014 untuk edaran dan panduan pihak sekolah.

Dari segi penguatkuasaan peraturan sekolah, Jawatankuasa Disiplin Sekolah berperanan menjalankan siasatan serta mencadangkan hukuman dan langkah intervensi kepada pentadbir sekolah. Semua guru merupakan guru disiplin dan bertanggungjawab membentuk sahsiah murid di samping membudayakan konsep sekolah penyayang. Pihak sekolah turut mengadakan Mesyuarat Permuafakatan Sekolah melibatkan Pejabat Pendidikan Daerah, Persatuan Ibu Bapa dan Guru, polis, ibu bapa terlibat dan pihak berkepentingan yang lain. Hukuman keras seperti rotan dan buang sekolah merupakan langkah akhir bagi menjaga ketenteraman sekolah.

Secara relatifnya, peratus murid yang terlibat dengan salah laku buli adalah sangat kecil iaitu hanya 0.05 peratus pada tahun 2017. Oleh yang demikian, langkah-langkah yang dilaksanakan oleh KPM dilihat berkesan dan mampu membendung gejala buli dalam kalangan murid.

RJM82